


► Menulis

Fahami maklumat di bawah ini. Kemudian, tulis pendapat anda tentang maklumat tersebut. **SP 3.2.1**

Ketua Jawatankuasa Persatuan Penduduk Kampung Limbongan mencadangkan untuk mengadakan Hari Keluarga bagi seluruh penduduk kampung tersebut. Majlis yang akan diadakan pada hari Sabtu minggu hadapan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara penduduk kampung.

Beliau memohon jasa baik semua penduduk yang berkelapangan agar dapat bersama-sama menghadiri dan memeriahkan Hari Keluarga tersebut. Pelbagai acara turut diadakan seperti sukan mini dan jamuan makan.

Hari Keluarga ini diharap dapat merapatkan lagi ukhuwah dalam kalangan penduduk kampung dan melahirkan suasana kampung yang aman dan damai.



Pada pendapat saya, Ketua Jawatankuasa Persatuan Penduduk Kampung Limbongan sangat peka terhadap kesejahteraan dan keharmonian hidup penduduk di bawah jagaan beliau. Penganjuran Hari Keluarga ini merupakan satu kaedah terbaik untuk (1) _____

_____. Selain itu, penganjuran Hari Keluarga ini akan (2) _____ persaudaraan yang sudah terjalin dalam kalangan penduduk. Hari Keluarga ini juga akan bertambah meriah kerana (3) _____

_____ bagi menyerikan lagi Hari Keluarga tersebut.

mengukuhkan lagi hubungan

pelbagai acara menarik turut diadakan

menghimpunkan penduduk kampung dalam sebuah majlis yang meriah



Kamus Mini

1. jawatankuasa – sekumpulan orang yang dilantik atau dipilih untuk melaksanakan atau mengurus tugas-tugas tertentu
2. silaturahim – hubungan
3. acara – susunan perkara untuk dibincangkan dalam mesyuarat (perundingan), agenda
4. jamuan – makanan yang dihidangkan (kepada tetamu), sajian
5. ukhuwah – persaudaraan
6. aman – bebas daripada kerosakan kacau-bilau